

Headline	Buah ceri Terengganu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 May 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	38	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 985
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,954



# Buah ceri Terengganu

**PERUPOK** atau nama saintifiknya *Lepisanthes alata* merupakan sejenis pokok rendah yang sederhana tinggi dan boleh mencapai ketinggian sehingga 10 meter.

Pokok berasal dari Asia Tenggara ini mempunyai taburan meluas di Semenanjung Malaysia, Jawa, Borneo dan Filipina dan biasanya dijadikan sebagai pokok hiasan landskap di taman.

Pokok perupok juga dikenali sebagai pokok johor atau ceri Terengganu. Di Jawa, pokok ini dikenali sebagai belimbing cina. Pokok perupok merupakan pilihan yang sangat baik untuk dijadikan hiasan taman kerana mayang daunnya yang

terurai cantik.

Daun muda atau pucuknya berwarna ungu muda kelihatan sangat menarik dengan bunganya juga berwarna ungu.

Daun matang berwarna hijau, runcing dan mempunyai lapan hingga 12 helai anak daun (leaflets) pada satu mayang yang boleh mencapai

kepanjangan sehingga 50 sentimeter (cm).

Tumbuhan ini jarang ditanam dan boleh dikategorikan sebagai pokok buah-buahan nadir. Musim berbunga dan berbuahnya tidak menentu tetapi boleh berlaku pada bila-bila masa di sepanjang tahun.

Buahnya yang menarik tersusun bergugus pada tangkai yang panjang dan setiap tangkai mempunyai sehingga 20 biji buah yang warna merah gelap dan berkilat.

Saiz buahnya antara 2 hingga 3 cm, berbentuk bulat dan tajam di bahagian hujungnya dan setiap buah mempunyai satu hingga tiga biji. Isi buahnya manis dan sedikit kelat.

Walaupun buahnya boleh dimakan, pokok ini biasanya ditanam untuk tujuan hiasan. Buah perupok digemari oleh burung dan kerana itu pokok ini boleh dijadikan tarikan untuk burung-burung datang ke taman.

● SUMBER PORTAL FRIM

